



PANDUAN UNTUK MENDAPATKAN  
PENGIKTIRAFAN SEMULA SEBAGAI  
PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN /  
PENYELIA



Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi,  
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil,  
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-89284100/89267699  
Faks : 03-89223685

Homepage: <http://www.aelb.gov.my>

## KANDUNGAN

	<b>Mukasurat</b>
A. TUJUAN	3
B. PENGENALAN	3
C. PERLANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN/PENYELIA	3
D. PENGIKTIRAFAN SEMULA SEBAGAI PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN/ PENYELIA	
Tanpa menduduki peperiksaan	4
Menduduki peperiksaan	5

## LAMPIRAN

Lampiran 1 - Borang  
Permohonan Pengiktirafan  
Semula Sebagai  
Pegawai Perlindungan  
Sinaran/ Penyelia Tanpa  
Menduduki Peperiksaan

Lampiran 2 - Borang  
Permohonan Peperiksaan  
Keselamatan Perlindungan  
Sinaran

## **PANDUAN UNTUK MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN SEMULA SEBAGAI PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN / PENYELIA**

### **A. TUJUAN**

1. Dokumen ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelia yang akan tamat tempoh sah pengiktirafannya dan ingin mendapatkan pengiktirafan semula sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelia.

### **B. PENGENALAN**

2. Adalah menjadi syarat bagi seseorang untuk mendapatkan sesuatu lesen di bawah Akta 304 menggaji atau mengguna khidmat selain orang atau orang-orang yang memiliki pengetahuan, kemahiran dan latihan yang perlu untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti yang hendak dilesen itu dijalankan mengikut cara yang melindungi kesihatan pekerja-pekerja dan orang-orang awam dan mengurangkan bahaya kepada nyawa, harta dan alam sekitarnya. Sehubungan itu, pemegang lesen hendaklah mengambil kerja seorang Pegawai Perlindungan Sinaran bagi memenuhi keperluan peraturan tersebut.

### **C. PERLANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN / PENYELIA**

3. Seseorang yang ingin menjadi Pegawai Perlindungan Sinaran/ Penyelia hendaklah terlebih dahulu dilantik oleh pemegang lesen dan kemudian mengemukakan perlantikan tersebut kepada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) untuk mendapatkan pengiktirafan.
4. Calon Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelia dikehendaki menduduki peperiksaan yang dikendalikan di AELB bagi menguji kefahamannya dalam penggunaan radas, prosedur perlindungan sinaran, prosedur kendalian biasa, prosedur semasa keadaan luar biasa dan sebagainya. Mereka mestilah lulus di dalam peperiksaan tersebut sebelum boleh diiktiraf oleh AELB sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran/ Penyelia.

5. Tempoh maksimum pengiktirafan sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelia yang diberi oleh AELB adalah selama tiga (3) tahun. Mereka yang akan tamat pengiktirafannya dan masih ingin menjadi Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelia dikehendaki memohon kepada AELB untuk mendapatkan pengiktirafan semula sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelia.

#### **D. PENGIKTIRAFAN SEMULA SEBAGAI PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN / PENYELIA**

##### **Tanpa menduduki peperiksaan**

6. Bagi mendapatkan pengiktirafan semula sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelia, Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelia berkenaan mestilah memenuhi semua syarat berikut:
  - 6.1 Mengemukakan permohonan kepada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan (lihat Lampiran 1) tidak kurang daripada 30 hari dan tidak lebih daripada 60 hari sebelum pengiktirafannya tamat;
  - 6.2 Mempunyai rekod perkhidmatan yang memuaskan semasa bertugas sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelia;
  - 6.3 Tidak putus tugas (practice) melebihi satu tahun dan ini hendaklah disahkan oleh OBTL dengan menandatangani perkara 5 di dalam borang permohonan;
  - 6.4 Telah menghadiri kursus perlindungan sinaran (yang dikendalikan oleh agensi yang diiktiraf dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir perkhidmatannya sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelia; dan
  - 6.5 Bagi aktiviti Radiografi Industri (NDT), Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelia berkenaan mestilah tidak pernah menerima dos terkumpul melebihi 18 mSv/tahun kalendar.

### **Menduduki peperiksaan**

7. Kelulusan untuk mendapatkan pengiktirafan semula sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelia adalah tertakluk kepada keputusan AELB. Mereka yang tidak memenuhi syarat-syarat di atas dan tidak diluluskan permohonannya oleh AELB untuk mendapat pengiktirafan tersebut tetapi masih ingin untuk mendapatkan pengiktirafan semula, boleh berbuat demikian dengan menduduki peperiksaan. Permohonan untuk menduduki peperiksaan boleh dibuat dengan mengemukakan borang LPTA/BPMP (Borang Permohonan Peperiksaan Keselamatan Perlindungan Sinaran - lihat **Lampiran 2**) kepada AELB.

**Nota :** Semua borang permohonan boleh diperolehi di AELB dengan harga RM 1.00.

Sebarang pertanyaandan keterangan lanjut hendaklah dialamatkan kepada:

**Ketua Pengarah  
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Batu 24, Jalan Dengkil  
43800 Dengkil  
Selangor Darul Ehsan.  
(Tel : 03-89284100/89267699)**



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
 KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**



RM 1.00

**PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN SEMULA SEBAGAI  
 \* PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN / PENYELIA TANPA MENDUDUKI PEPERIKSAAN**

**1. Keterangan Diri Pemohon**

- A. Nama : .....
- B. No. Kad Pegenalan : .....
- C. Warganegara : .....
- D. No. Kad Pekerja Sinaran (jika ada):.....
- E. Tarikh Tamat Pengiktirafan Terakhir:.....

**2. Keterangan Majikan**

- A. Nama Agensi: .....
- B. Alamat: .....
- .....
- C. No. Telefon: ..... No.Faks: .....

**3. Senarai Kursus Sinaran Yang Pernah Dihadiri Dalam Tiga (3) Tahun Terakhir  
 (Sila Lampirkan salinan sijil kursus yang berkenaan)**

Bil	Tarikh	Nama Kursus	Tempat

**4. Pengesahan Pemohon**

Saya mengesahkan bahawa semua kenyataan yang diberikan di atas adalah benar.

Tarikh : .....  
 (Tandatangan Pemohon)

**5. Pengesahan Majikan**

Saya ..... (OBTL), No. Kad Pengealan : .....  
 Dengan ini mengesahkan bahawa penama di atas adalah \* Pegawai Perlindungan Sinaran / Penyelia di agensi saya dan tidak pernah putus perkhidmatan melebihi satu (1) tahun semasa memegang jawatan tersebut.

Tarikh : .....  
 (Tandatangan dan Cop Rasmi Majikan)

\* Untuk Pegawai Perlindungan Sinaran / Penyelia di dalam bidang Radiografi Industri, sila lampirkan salinan laporan dos untuk tempoh satu (1) tahun terakhir dan salinan sijil MLVK.

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA**

Lulus/Gagal Bil. \_\_\_\_\_

Tempoh sah sehingga:

Nama:

Tarikh: \_\_\_\_\_

b.p. Ketua Pengarah  
 Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

## **SYARAT-SYARAT UNTUK MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN SEMULA SEBAGAI PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN / PENYELIA TANPA MENDUDUKI PEPERIKSAAN**

1. Bagi mendapatkan pengiktirafan semula sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelias tanpa menduduki peperiksaan, Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelias berkenaan mestilah memenuhi semua syarat berikut:
  - i. Mengemukakan permohonan kepada Lembaga, Perlesenan Tenaga Atom (AELB) dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan tidak kurang daripada 30 hari dan tidak lebih daripada 60 hari sebelum pengiktirafan tamat
  - ii. Mempunyai rekod perkhidmatan yang memuaskan semasa bertugas sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelias.
  - iii. Tidak putus tugas (practice) melebihi satu tahun dan ini hendaklah disahkan oleh OBTL dengan menandatangani perkara 5 di dalam borang permohonan.
  - iv. Telah menghadiri kursus perlindungan sinaran (yang dikendalikan oleh agensi yang diiktiraf) dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir perkhidmatannya sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran/Penyelias.
2. Bagi aktiviti Radiografi Industri (NDT) Pegawai Perlindungan Sinaran / Penyelias berkenaan mestilah tidak pernah menerima dos terkumpul melebihi 18 mSv/tahun kalendar.
3. Kelulusan untuk mendapatkan pengiktirafan semula sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran / Penyelias tanpa menduduki peperiksaan ini adalah tertakluk kepada keputusan AELB. Mereka yang tidak memenuhi syarat-syarat di atas dan ingin untuk mendapatkan pengiktirafan semula masih boleh berbuat demikian dengan menduduki Peperiksaan Keselamatan Perlindungan Sinaran.



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**



RM 1.00 **BORANG PERMOHONAN PEPERIKSAAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN SINARAN**

**A. BIODATA CALON**

1. Nama : \_\_\_\_\_  
2. No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
3. Tarikh Lahir : \_\_\_\_\_  
4. Nama Syarikat : \_\_\_\_\_  
5. Warganegara : \_\_\_\_\_  
6. No. Kad Pekerja Sinaran : \_\_\_\_\_  
(jika ada)  
7. Kursus Perlindungan Sinaran/Setara : Ada  Tiada   
(Sila lampirkan sijil kursus jika ada).

**B. PEPERIKSAAN YANG DIPOHON**

8. Aktiviti ( Sila lihat panduan di belakang)
- |                          |   |                          |   |                          |   |   |
|--------------------------|---|--------------------------|---|--------------------------|---|---|
| <input type="checkbox"/> | 1 | <input type="checkbox"/> | 2 | <input type="checkbox"/> | 3 | 9. Punca sinaran                          |
| <input type="checkbox"/> | 4 | <input type="checkbox"/> | 5 | <input type="checkbox"/> | 6 | Bahan Radioaktif <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | 7 | <input type="checkbox"/> | 8 | <input type="checkbox"/> | 9 | Radas Penyinaran <input type="checkbox"/> |
- (nyatakan) : \_\_\_\_\_

- Bagi calon kertas radiografi industri, sila kemukakan sijil MLVK.

**C. PENGIKTIRAFAN :**

10. Pengiktirafan sebagai :
- Juruperunding  Peg. Perlindungan Sinaran  Penyelia

**D. PERAKUAN MAJIKAN DAN CALON**

11. Dengan ini disahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh AELB.

.....  
(Tandatangan dan Cop Majikan)

.....  
(Tandatangan Calon)

.....  
(Tarikh)

**E. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA**

12. Kertas peperiksaan : \_\_\_\_\_  
13. Tarikh peperiksaan : \_\_\_\_\_  
14. Tandatangan Pegawai Peperiksaan : \_\_\_\_\_  
15. Tarikh : \_\_\_\_\_

**PANDUAN MENGISI BORANG PERMOHONAN**

Perkara 1 – 7 : Jelas.

Perkara 8 : Tandakan (/) untuk Aktiviti:-

- 1 - Radiografi Industri
- 2 - Tolok
- 3 - Penjual
- 4 - Institut Pengajian Tinggi
- 5 - Badan-Badan Penyelidikan
- 6 - Penjana Neutron
- 7 - Kemudahan Penyinaran (Sterilisasi)
- 8 - Mineral/Tenorm
- 9 - Lain-lain

Perkara 9 : Tandakan (/) bagi punca sinaran yang digunakan.

Perkara 10 : Jelas.

Perkara 11 : Jelas.

Perkara 12 - 15 : Untuk kegunaan AELB sahaja.